



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 603 - 88832545
Faks : 603 - 88895542
E-mail : anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM87/P1/1/1/3 jid. 2 (17)
Tarikh : 13 Februari 2013

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN
4 TAHUN 2013: TATACARA PENGURUSAN PENDERMA ORGAN DAN
TISU KADAVERIK YANG TERLIBAT DALAM SIASATAN POLIS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang diperuntukkan di dalam subseksyen 3(3) Akta Tisu Manusia 1974 [*Akta 130*], persetujuan bertulis Majistret hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi kes-kes pendermaan organ/tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis, selain keizinan waris si mati. Kes siasatan polis yang dimaksudkan termasuklah kes-kes kemalangan jalanraya, bunuh diri dan lain-lain yang memerlukan post-mortem atau inkues atau penyiasatan dijalankan di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

3. Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta pihak Mahkamah Persekutuan telah mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada bagi menyelaras pengurusan kes-kes seumpama ini. Tujuan penyelarasan tatacara pengurusan kes-kes ini adalah untuk memastikan proses perolehan organ dan tisu dari penderma kadaverik dapat dilakukan dengan pantas dan lebih berkesan mengikut undang-undang.

4. Bersama-sama ini disertakan **Garis panduan Tatacara Pengurusan Penderma Organ Dan Tisu Kadaverik Yang Terlibat Dalam Siasatan Polis** untuk diteliti dan dilaksanakan oleh YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan.

5. Usaha bagi menyelaraskan Tatacara Pengurusan tersebut adalah selaras dengan strategi pelaksanaan Polisi Transplantasi Organ, Tisu dan Sel Kebangsaan (ruj. MOH/P/PAK/131.07(BP) bertarikh Jun 2007) bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perolehan organ/ tisu kadaverik yang lebih berkesan dan efisyen. Pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan juga diminta untuk memperkuuhkan peranan Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (*Tissue and Organ Procurement Team – TOP Team*) di bawah tanggungjawab masing-masing sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 tahun 2008.


6. Dalam menyelaraskan tatacara pengurusan kes-kes seumpama ini, Kementerian Kesihatan Malaysia menghargai kerjasama serta komitmen tinggi pihak **PDRM** dan pihak **Mahkamah Persekutuan** di dalam menyokong peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan bagi membantu pesakit yang memerlukan.

7. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang ikhlas,



(DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan KPK (Perubatan)
- Timbalan KPK (Kesihatan Awam)
- Timbalan KPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Keselamatan & Kualiti Makanan)